



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I (B.3)
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Civil Engineering / Electrical Engineering / Energy Efficiency / Energy Engineering / Energy Management / Engineering in Sustainable Energy / Environmental Science and Management / Mechanical Engineering* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II atau jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

ATAU

- c) **Bagi yang tidak mempunyai Ijazah**, hendaklah telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Lulus Peperiksaan Perkhidmatan Awam:
 - a) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
 - b) Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
 - c) Peraturan-Peraturan Kewangan.
 3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

BAHAGIAN PERALIHAN TENAGA:

1. Untuk mengetuai Unit Kecekapan dan Penjimatan Tenaga, Bahagian Peralihan Tenaga (*Energy Efficiency and Conservation Unit [EEC]*):
 - a) Memastikan pasukan dilengkapi dengan tahap kecekapan, dorongan dan motivasi yang berpatutan;
 - b) Membangunkan pelan pelaksanaan asas ke arah penghasilan kerja utama bagi Unit; bagi jangka pendek, sederhana dan jangka panjang;
 - c) Memastikan penghantaran yang jelas bagi setiap sasaran kerja mengikut garis masa dengan mengambil kira risiko perubahan; dan
 - d) Memastikan keperluan belanjawan disediakan dan dipantau untuk pengurusan kewangan yang betul secara berkala.

2. Untuk membangun dan mengembangkan usaha Kecekapan dan Penjimatan Tenaga *EEC*:
 - a) Membangunkan dan sentiasa mengemaskini pelan hala tuju *EEC* Negara;
 - b) Memastikan komunikasi dengan pihak berkepentingan utama untuk penetapan sasaran, usaha pelaksanaan dan pemantauan kemajuan;
 - c) Membangunkan dasar-dasar dan strategi yang diperlukan untuk menambahbaik usaha-usaha *EEC* di Negara Brunei Darussalam; dan
 - d) Mewakili Negara Brunei Darussalam dalam Seminar, Bengkel atau Persidangan Global, Serantau dan Tempatan dalam hal-hal berkaitan dengan *EEC*.

3. Untuk menyediakan analisis dan cadangan sebagai Pakar Subjek mengenai *EEC*:
 - a) Menjadi tumpuan bagi *EEC* di Negara Brunei Darussalam;
 - b) Menyediakan analisis yang diperlukan untuk Ketua Bahagian atau pihak pengurusan Jabatan Tenaga;



- c) Mengambil Bahagian dalam penglibatan dalaman dan luaran negeri sama ada untuk berkongsi atau mendapatkan pandangan, pembelajaran dalam hal-hal berkaitan dengan *EEC*; dan
 - d) Menyediakan perkhidmatan sesi pendidikan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan dalam Awam, Industri dan agensi Kerajaan.
4. Untuk terus meningkatkan prestasi diri dan pasukan:
- a) Melaksanakan '*hold point*' bagi memastikan dan memeriksa prestasi sendiri dan pasukan untuk memahami kekuatan dan jurang;
 - b) Mewujudkan rancangan penambahbaikan Individu / Unit; dan
 - c) Menyumbangkan usaha dan buah fikiran kepada Bahagian apabila perlu.